

UM 1/7/06 (M.C.S.)

Semakan rayuan ke IPTA diketahui 17 Julai

NILAI 30 Jun - Semakan keputusan rayuan permohonan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) untuk program lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Matrikulasi Kementerian Pelajaran boleh dibuat mulai 17 Julai ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham Baba berkata, semakan tersebut boleh dibuat melalui laman kementerian tersebut di alamat www.mohe.gov.my

Beliau berkata, pihaknya sedang menyiapkan senarai terakhir pemohon yang layak ke IPTA selepas tempoh rayuan berakhir pada hari ini.

Katanya, keputusan rayuan berkenaan tertakluk kepada jumlah pelajar yang menerima tawaran yang diberikan baru-baru ini.

"Proses rayuan pada kali ini berjalan lancar dengan penggunaan sistem e-rayuan dan pihak kami tidak menerima sebarang aduan atau rungutan tentang sistem itu.

"Bagi mereka yang telah ditawarkan tempat di IPTA, mereka akan mendaftar di kampus yang ditetapkan pada Ahad dan Isnin ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pelancaran Sistem Maklumat Universiti (SMU) dan portal e-Wadi Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) di sini, hari ini.

Turut hadir Rektor KUIM, Profesor Datuk Dr. Abdul Shukor Husin dan Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Datuk Dr. Nordin Kardi.

Adham berkata, melalui sistem e-rayuan, pemohon hanya perlu memohon sekali sahaja dan tidak perlu mengemukakan rayuan bertulis kepada kementerian.

Selain itu, katanya, pelajar lepasan diploma, Pusat Asasi Sains Universiti Malaya, Asasi Undang-Undang dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) juga boleh membuat semakan tersebut.

"Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang tawaran selepas 24 Julai ini, permohonan e-rayuan itu hendaklah dianggap tidak berjaya," katanya.

Beliau berkata, pada tahun ini, pihak kementerian telah menawarkan sejumlah 40,016 tempat di IPTA tempatan.